Seminar
Tahzibul Akhlaq





PENDAHULUAN

Tanpa keluhuran peribadi pada modal insan pencapaian dan produktiviti dalam organisasi hanya akan tinggal slogan atau berlaku tanpa nilai kemanusiaan. Tanpa akhlak dan nilai murni hidup juga akan hilang pertimbangan, kompilasi masalah makin kusut, semua pihak terus mengeluh dan yang petah bercakap tentang masalah juga tidak berani mengutarakan solusi. Dari dimensi yang lain mungkin ada pihak yang tahu solusi suatu permasalahan namun soalnya beranikah dia melaksanakan solusi itu? Apakah bezanya antara solusi yang hanya teori dengan solusi yang praktikal dan mengapa kemurnian akhlak adalah penawarnya?

Justeru itu SEMINAR TAHZIBUL AKHLAK tampil bagi membina minda, hati dan fleksibeliti. Kami bukan motivator dan bukan motivasi. Kami bukanlah yang terbaik, tapi kami berbeza dari yang lain.

OBJEKTIF SEMINAR

- Memberi pencerahan mengenai Tahzibul-Akhlaq = Penghalusan Akhlak dan kepentingannya;
- Memahami prinsip-prinsip asas Adab dan Penghalusan Akhlak;
- Memahami kaitan antara Akhlak dan kehidupan yang bermakna; dan
- Menyedari pengaruh dan kesan Adab dan Akhlaq di dalam memacu kecemerlangan hidup (*Beyond Seven Habits*)





KONSEP SEMINAR

- Kursus yang dicadangkan ini adalah berkonsepkan ‘*pembelajaran dewasa*’ atau ‘*adult learning*’ yang menggunakan pendekatan ilmu, faham dan ‘amal; dan
- Penerapan konsep dan pemahaman adalah secara formal dan informal melalui kuliah, diskusi dan interaksi dua hala.

SINOPSIS SEMINAR

- Adab dan akhlak serta penghalusannya sebagai asas Peribadi Unggul akan menekankan persoalan keutamaan memiliki akhlak murni dan adab yang baik untuk membentuk sahsiah dan peribadi seseorang. Persoalan adab, akhlak, moral atau ethics sering diabaikan, sedangkan ini adalah asas dan perkara pokok yg perlu dihayati oleh setiap individu.
- Seminar ini juga akan membahaskan bagaimana menerapkan persoalan adab dan akhlak di atas di dalam amalan organisasi dan komuniti. Bagaimana mewujudkan persekitaran yang cemerlang dengan memupuk nilai-nilai murni dalam diri, keluarga dan organisasi.

TENTATIF PROGRAM

08:30-09:00 pagi	: Pendaftaran
09:00-10:00 pagi	**: Sessi 1 - Pengantar Tahzibul Akhlaq**
10:00-10:20 pagi	: Rehat
10:20-11:20 pagi	**: Sessi 2 - Virus Perosak VS Potensi Kejayaan**
11:20-11:30 pagi	: Rehat
11:30-12:30 tngh	**: Sessi 3 – Tahzibul Akhlaq Adalah Solusi**
12:30-1:30	: **Diskusi terbuka** Bersurai

KANDUNGAN MODUL

1. **Pengantar Tahzibul Akhlaq**

    - Menelusuri pengertian Tahzibul Akhlaq = Penghalusan Akhlak dan sumber-sumbernya
    - Membincangkan kepentingan akhlaq dalam amalan organisasi dan kehidupan
    - Mendedahkan senario jika kehilangan akhlak dalam organisasi dan kesannya kepada Individu, organisasi, masyarakat dan negara
    - Menggariskan cabaran-cabaran yang dihadapi serta permasalahan semasa dalam usaha mengembalikan integriti akhlak dalam kehidupan kini

2. **Virus Perosak VS Potensi Kejayaan**

    - Identifikasi empat punca kerosakan
    - Sembilan potensi kejayaan dalam setiap peribadi insan
    - Pengertian Adab, Akhlak dan Tahzibul Akhlaq (Penghalusan Akhlak)
    - Jalan mencapai Tahzibul Akhlaq
    - Role-model dalam pembinaan Tahzibul Akhlaq

3. **Tahzibul Akhlak Adalah Solusi**

    - Diskusi mengenai amalan integriti dan nilai-nilai murni di dalam kehidupan
    - Perincian beberapa contoh praktis dalam amalan harian
    - Perbincangan mengenai cabaran, halangan dan masalah yang timbul untuk menerapkan nilai Adab, Akhlak dan integriti
    - Transformasi hidup ke arah Tahzibul Akhlaq

PERUNDING MODUL



Sidi Al-Hajj PhDr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni

Anak jati kota Madinah Al-Munawwarah dan pakar dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang telah berkhidmat dengan syarikat gergasi petroleum antarabangsa ARAMCO. Memulakan kerjayanya pada tahun 1991 sebagai lab scientist, seterusnya jurutera produksi telaga minyak, jurutera pentadbir reservoir, seterusnya menangani kerja carigali dan penyelian lapangan telaga minyak terbesar di dunia sebagai drilling & workover engineer dan dilanjutkan sebagai jurutera simulasi.

Pada tahun 2003 beliau berpindah dari lapangan petroleum ke bidang konsultasi untuk berkhidmat kepada kerajaan Arab Saudi di Kementerian Petroleum dan Kementerian Air & Kemudahan Awam serta menjadi pensyarah jemputan di beberapa negara Asia dan Eropah dan kini menyumbang khidmat kepada beberapa firma antarabangsa sebagai Perunding Pakar dalam bidang Pengurusan Islami, Adab dan Nilai Murni Dalam Organisasi.

Selain rekod cemerlangnya dalam kerjaya beliau juga sedari kecil telah berguru dengan para ulama'ul `amilin dan masyaikh di tanah suci Madinah dan Makkah hingga memperolehi sanad-sanad tinggi keilmuan Islam dan ijazah hadis dari mereka. Beliau mendapat tarbiyyah dari para awliya dan solihin dan secara khusus menerima didikan *`ilmul qulub* (penghalusan akhlak dan pemurnian jiwa) dari mahagurunya As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Sidna Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili.

PENCERAMAH 1



Tuan Hj. Ahmad Salim Omar

Selaku mantan pegawai kanan dalam perkhidmatan kerajaan selama lebih dua puluh tahun Tuan Hj. Ahmad Salim amat masak dengan segala selok-belok pengurusan dan pentadbiran sumber daya manusia.

Setelah bersara dari jawatan terakhirnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan pada tahun 1996 beliau aktif mencurah pengalaman dan ilmunya dalam siri

program latihan kepada sektor swasta dan kerajaan hingga ke hari ini. Meyakini bahawa proses pendidikan harus berjalan seumur hidup dan keprihatinan terhadap masa depan anak bangsa telah membulatkan tekad beliau untuk terus berbakti selagi hayat dikandung badan. Tuan Hj. Ahmad Salim juga merupakan Pengarah Urusan FITRAH PERKASA SDN. BHD. sebuah syarikat latihan dan perunding bumiputera yang komited di tanah air.

PENCERAMAH 2



Tabib Nur
Setelah hampir dua dekad bergelanggang dalam bidang rawatan dan pengubatan Tabib Nur menemui jawapan bahawa manusia tidak harus dirawat pada fizikalnya saja, bahkan akal dan hati harus dibangun dan diberi perhatian serius kerana banyak penyakit pada tubuh dan masalah hidup sebenarnya berpunca dari rohani manusia.

Tabib Nur adalah pengasas Pusat Rawatan Tanpa Ubat (PUSRATU) yang sudah tidak asing lagi dalam dunia rawatan alternatif tanah air dan timbalan presiden PESAMIM yang bernaung di bawah Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Malaysia (GAPERA - TCM).

PENCERAMAH 3



Ir. Ahmad Jais bin Alias as-Syazili
merupakan seorang Jurutera Profesional (P.Eng) yang pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM) dan Pensyarah Kanan di Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT). Selain itu beliau pernah memegang jawatan Pengurus Besar di Koperasi Muslimin Malaysia Berhad dan beliau juga merupakan mantan Fellow Pusat Perundingan dan Latihan IKIM dan mantan Pengarah Radio IKIM.fm, pengalaman luas dengan berbagai lapisan masyarakat melalui bidang kerja yang professional ini menjadikan beliau sebahagian dari aset negara.

Interaksi dengan dunia barat dalam tahun-tahun pengajian serta perkhidmatan di tanah air dalam bidang akademik dan pentadbiran beliau tuangkan dalam siri penulisannya yang



banyak berkisar tentang Etika, Pembentukan Sikap, Budaya Kerja Cemerlang, Budaya Ilmu dan Ketara Sedar selain dari menulis untuk ruangan tetapnya di Majalah Solusi.

Beliau juga seringkali dijemput untuk memberi taklimat, ceramah, ahli panel radio dan televisyen di seluruh Malaysia. Kini beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan Principal Consultant di CERNA MINDA SDN. BHD.

PENCERAMAH 4



Ustaz Rahmat Muhamad

Ketika menuntut di Timur Tengah, Ustaz Rahmat telah bergaul rapat dengan masyarakat setempat sepanjang pengajiannya dalam bidang sastera Arab dari Universiti Aal Al-Bayt Jordan. Tahun-tahun awalnya di sana juga telah menemukan beliau dengan guru pentarbiyyah rohani dan jasmaninya Sidi Al-Hajj PhDr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni yang terus mendidiknya hingga kini.

Ustaz muda ini amat mencintai bidang terjemahan dan telah mengalih bahasa lebih sepuluh buah kitab dan ratusan makalah dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Pengalaman sebagai penterjemah interpreter sejak tahun 2005 di berbagai mesyuarat, kursus, seminar, kuliah umum, siaran radio dan tv telah melayakkan beliau untuk menjadi salah seorang penterjemah terbaik di tanah air.

ANGGARAN BELANJAWAN

- Sebut harga untuk pakej seminar ini adalah sebanyak **RM3500.00**; merangkumi
  - Penceramah
  - Modul
  - Peserta maksimum 30 orang (tambahan peserta pada kadar RM100 seorang)

- Pakej tidak termasuk tempat, makan dan minum peserta.
  (Tempat, makan dan minum disediakan oleh oleh pihak penganjur/tuan rumah)


PELANGGGAN KAMI















































GAMBAR AKTIVITI





SUK JOHOR


KURSUS PEMUPUKAN INTEGRITI DAN PEKERJA
19 JUN 2012



MARDI


KURSUS PEMBINAAN INTEGRITI DAN
SAHSIAH EKSEKUTIF



FELDA





AKADEMI KASTAM





JOHOR CORPORATION







KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR





JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA